

06/11/2003

Abdullah beri ceramah Malaysia selepas era Dr Mahathir

IPOH: Ketua Pengarang Kumpulan New Straits Times Press (M) Berhad, Tan Sri Abdullah Ahmad akan menyampaikan ceramah mengenai Malaysia selepas pentadbiran Tun Dr Mahathir Mohamad di Kompleks Perak Darul Ridzuan, di sini pada 14 November ini.

Abdullah dijangka mengupas beberapa isu yang memberi kesan kepada negara dan rakyat negara ini apabila menyampaikan ceramah dalam bahasa Inggeris bertajuk 'Malaysia: Post Dr Mahathir'.

Ia diadakan pada majlis makan malam di Dewan Bankuet yang dianjurkan Akademi Perak.

Raja Muda Perak, Raja Dr Nazrin Shah yang juga penaung akademi dijangka menghadiri majlis itu manakala pengerusi akademi, Datuk Dr Abdullah Fadzil Che Wan menyampaikan ucapan.

Setiausaha Eksekutif Akademi Perak, Au Hah Chye berkata, Abdullah dipilih sebagai penceramah kerana beliau dilihat sebagai salah seorang 'individu paling arif dalam masa depan politik tanah air'.

"Ceramah tanpa teks itu disampaikan pada masa yang paling sesuai bagi membincangkan masa depan selepas persaraan Dr Mahathir," katanya pada sidang media, di sini, semalam.

Selain itu, diadakan sesi soal jawab selama 30 minit selepas ceramah berkenaan.

Akademi Perak ditubuhkan pada November tahun lalu dengan objektif utamanya untuk mempromosikan Perak sebagai pusat kecemerlangan dalam pemikiran, kebudayaan dan teknologi.

Au berkata, akademi itu dengan kerjasama British Council dan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak akan mengadakan satu pameran mengenai Asid Deoksiribonukleik (DNA) di Silveritage Galleria, di Jalan Gopeng dari 21 hingga 23 November ini.

Katanya, pameran diadakan bagi mengingati penemuan struktur heliks berkembar DNA lebih 50 tahun lalu dan memfokuskan kejayaan penyelidik British dalam pelbagai bidang berkaitan.